



Stesen Kajian Sumber Tenaga Keterbaharuan UMT di pantai Tok Jembal yang runtuh dua hari lalu akibat hakisan dan dipukul ombak menunggu masa untuk hanyut ke laut. Foto Bernama.

Kg Tok Jembal mungkin lenyap

KUALA LUMPUR -Kajian simulasi kelautan mendapati Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu dan kawasan di sekitarnya yang dihuni ratusan penduduk, mungkin hilang ditelan laut dalam tempoh 15 tahun jika masalah hakisan pantai tidak diberi perhatian.

Penyelidik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Dr Mohammad Fadhli Ahmad berkata, simulasi yang dijalankan sejak empat tahun lepas mendapati 42.6 meter kawasan darat itu telah terhakis.

“Kawasan teruk terjejas adalah sepanjang 3.4 kilometer dari utara Lapangan Terbang Sultan Mahmud hingga ke UMT dan turut melibatkan Kampung Tok Jembal,” katanya baru-baru ini.

Katanya, berdasarkan kajian itu, tidak mustahil Kampung Tok Jembal akan hilang daripada peta negeri Terengganu dalam tempoh itu jika tiada se-

barang langkah menangani masalah hakisan dilakukan.

Pihaknya juga dapati 166km garisan pantai atau 66 peratus daripada 244km garisan pantai di Terengganu, turut terjejas, melibatkan daerah Kuala Terengganu, Marang, Besut, Dungun, Kemaman dan Setiu.

Hakisan turut menyebabkan kemusnahan beberapa aset UMT seperti tapak stesen penyelidikan tenaga diperbaharui yang menempatkan makmal dan kincir angin, menyebabkan kerugian lebih RM500,000.

Beliau berkata struktur pembangunan di sepanjang pantai di Terengganu juga memerlukan kajian terperinci bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

“Keseimbangan di tepi pantai sebenarnya berpunca daripada hakisan itu sendiri. Kalau tiada pembangunan di tepi pantai dan dengan kehadiran monsun, akan berla-

ku proses semula jadi dan sedimen atau pasir akan kembali ke kawasan pantai.

“Bagaimanapun, pembangunan menjadi faktor pengubah hidrodinamik di kawasan pantai menyebabkan proses semula jadi yang berlaku itu menjadi tidak seimbang,” katanya.

Mohammad Fadhli berkata UMT juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu kumpulan Penyelesaian Risiko Bencana Pesisir Pantai yang mengkaji fenomena hakisan di sepanjang Pantai Terengganu.

“Kajian ini menggunakan peruntukan geran penyelidikan yang dianggarakan sebanyak RM150,000. Kerajaan juga membuka peluang kepada penyelidik untuk memohon peruntukan bagi menjalankan kajian tersebut menerusi geran penyelidikan seperti Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS),” katanya.-Bernama.